

29 APR 1997

Mahathir-wawasan

DR MAHATHIR: JANGAN JATUH KE DALAM LUBANG GELAP

PETALING JAYA, 29 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pembangunan kebendaan dan kerohanian yang seimbang perlu segera diwujudkan di Malaysia dalam usaha negara untuk mencapai Wawasan 2020.

"Kita harus memastikan yang kita tidak akan tergelincir ke dalam lubang hitam sebagaimana yang kini dialami negara-negara maju.

"Kita tidak mahu menjadi masyarakat pengguna pembazir dalam kehidupan materialisme yang tidak dapat dibendung," kata Perdana Menteri dalam ucaptamanya pada Kongres Kebangsaan mengenai Wawasan 2020 di Bandar Sunway di sini.

Wawasan 2020, yang diperkenalkan enam tahun lepas, menetapkan Malaysia menjadi negara maju pada tahun itu.

Sambil menegaskan betapa pentingnya negara terus melaksanakan agenda ekonominya, beliau bagaimanapun berkata pada saat ini negara harus menetapkan untuk melaksanakan langkah-langkah besar-besaran dalam agenda sosial.

Katanya dua matlamat sosial yang strategik memerlukan perhatian yang segera, menyeluruh dan meluas. Kedua-duanya bagi memastikan kewujudan masyarakat yang bermoral dan beretika selain melahirkan masyarakat penyayang dan budaya penyayang berasaskan pada sistem keluarga yang kukuh dan berketahanan diri.

Persidangan peringkat tinggi dua hari itu dihadiri para menteri, timbalan menteri, pegawai kanan kerajaan, pemimpin industri, diplomat, ahli akademik dan wakil pertubuhan bukan kerajaan.

Sambil menggesa rakyat Malaysia agar terus berwaspada terhadap gejala rasuah, Dr Mahathir mengingatkan mereka supaya berhati-hati terhadap apa yang dikatakan sebagai standard untuk mengukur rasuah.

"Kita tidak harus merasakan amat selesa daripada tinjauan-tinjauan berdasarkan apa yang dipanggil sebagai 'standard Asia' atau standard negara-negara membangun atau standard dunia yang menunjukkan kita tidak begitu teruk; ataupun kita tidak lebih rasuah daripada beberapa negara maju.

"Bersyukur kepada Tuhan, di Malaysia perbuatan rasuah tidak, sebagaimana juga di kebanyakan negara, satu cara hidup," kata Perdana Menteri.

Mengenai usaha pambandaran penduduk, Dr Mahathir berkata usaha itu telah mengubah secara drastik cara hidup banyak rakyat Malaysia.

"Usaha itu tidak semuanya kurang baik tetapi akibatnya berlaku keretakan dan pembatasan dalam hubungan keluarga. Kita melihat peningkatan dalam penagihan dadah, jenayah, perzinaan dan kadar perceraian yang tinggi, keruntuhan rumah tangga dan pembuangan bayi," katanya.

Katanya ketika negara maju menganggap situasi sedemikian sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan menerimanya, tetapi Malaysia tidak boleh bersikap sedemikian.

"Kita harus berusaha mengekalkan nilai-nilai murni kita dan menentang gejala-gejala buruk. Walaupun jika kita gagal sepenuhnya, kita harus mengurangkan kejadian seumpama itu," katanya.

Sambil menekannya pentingnya agama dan nilai-nilai kerohanian yang baik, Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia perlu berpegang terus kepada nilai baik dan sistem yang beretika, jika tidak "kita akan hilang arah dan akibatnya, kita tidak akan dapat mencapai wawasan kita," katanya.

"Kita tidak boleh mempolitikkan keadaan. Kita tidak boleh menjadikannya isu perkauman. Kita tidak harus menuding jari," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata sikap memarahi dan prejudis terhadap sesuatu generasi bukannya jawapan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

"Yang tua tidak boleh mengutuk yang muda. Yang muda pula tidak boleh menyalahkan yang tua," katanya.

Beliau berkata, penyelesaian, bukannya menyalahi orang lain, harus dicari menerusi satu usaha yang berani dan seimbang.

Perdana Menteri berkata Wawasan 2020 adalah jelas iaitu Malaysia mesti menjadi negara maju dalam adunannya sendiri kerana modenisasi tidak semestinya bermakna menjadi kebaratan atau ketimuran atau keAsian.

"Negara yang dibangunkan sepenuhnya menjelang 2020 harus moden, iaitu selaras dengan kemajuan sejagat yang telah dicapai dalam semua bidang ketika itu tetapi ia hendaklah unik hanya kepada Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata persidangan itu bukan berhasrat untuk mengkaji semula wawasan itu tetapi untuk membincangkan bagaimana negara boleh bergerak maju secepat mungkin dan secara produktif berdasarkan sasaran tahun 2020 yang ditetapkan.

"Untuk mencapai 2020, jika boleh, sebelum tahun 2020," katanya.

Dr Mahathir memulakan ucapannya dengan menyatakan bahawa Wawasan 2020 kini satu kenyataan, dikaji oleh banyak negara, diikuti oleh banyak negara yang juga mahu menjadi negara maju, menyatu padukan rakyatnya dalam satu destini dan mengukuhkan usaha mereka di belakang satu tujuan bersama.

"Negara seperti Botswana hingga ke El Salvador, dari Colombia ke Nigeria, dari Mauritius ke Venezuela telah menetapkan Wawasan 2020 masing-masing.

"Kelab Rome mahukan Wawasan 2020 untuk Eropah. Negara-negara Asia Tenggara mahukan Wawasan 2020 untuk Asean. APEC telah juga menetapkan Wawasan 2020 untuk kawasan Pasifik," katanya.

Dengan demikian, Dr Mahathir berkata 2020, sebagai ukuran mengenai wawasan yang sempurna, kini menjadi ikutan dan sebagai tempoh muktamad bagi setiap orang untuk mencapai matlamat pembangunan.

-- BERNAMA

AH AZZ AHH